

TAKAFULINK DANA AKTIF

All information as at 30 June 2024 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Aktif aims to provide capital appreciation by investing in small market capitalisation Shariah-complaint securities of companies with growth potential.

Takafulink Dana Aktif mensasarkan untuk menyediakan pelabur dengan pertambahan modal, dengan melabur dalam sekuriti syarikat patuh Shariah yang mempunyai potensi pertumbuhan di pasaran permodalan kecil.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Islamic Small-cap Fund	100.65
2 Cash, Deposits & Others	-0.65

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	30/10/2018
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM6,231,868.06
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.34654

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Aktif Vs. FTSE Bursa Malaysia Small Cap Shariah Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	1.53%	8.16%	19.33%	26.90%	19.22%	26.34%	34.65%
Benchmark / Penanda Aras	3.64%	12.02%	18.85%	32.77%	22.63%	53.92%	55.17%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-2.11%	-3.86%	0.48%	-5.87%	-3.41%	-27.58%	-20.52%

TAKAFULINK DANA AKTIF

All information as at 30 June 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equities

Market Review

Malaysian equity markets saw some consolidation in June 2024 which could be related to profit taking activities, following the strong performance of 1H24, where Malaysia outperformed most markets. During the month, the retail price of diesel at the pump was raised to RM3.35/litre from RM2.15/litre effective 10 June 2024 across Peninsular Malaysia. June also saw a flurry of news regarding Data Centres with the sale of land by Eco World and UEM Sunrise, and Telekom announced their partnership Singtel's Data Centre unit Nxera to develop data centres. China's Premier Li Qiang was in Malaysia for a three-day maiden visit mid-June and witnessed the signing of 14 memoranda of understanding and agreements involving nine Malaysian ministries. The FBM EMAS Shariah Index closed the month at 12,552.70, up 1.29% mom. The FBM Small Cap Shariah index gained 3.64% for the month, outperforming the broader based FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

The Malaysian equity markets have been performing well in 1H24. Recent buying support could be the result of funds flowing back to Malaysia with the intention to invest domestically, post the government and BNM's encouragement of GLICs and GLCs to repatriate dividends to Malaysia. The Employees Provident Fund (EPF) has approved nearly RM7 billion in withdrawals from Account Flexible (also called Account 3) as of June 10, according to the Ministry of Finance (MOF). The availability of these funds could lead to a boost in consumption. However, this could be mitigated by the expected rationalization of petrol subsidies expected to be rolled out in 2H2024. The shape and form of this measure has yet to be announced. Overall, we are cautious on the potential inflationary impact of the subsidy removals, and the possible second round price hikes. The Malaysian's commitment to the boycott of goods and services from companies deemed to be in support of Israel has been strong, leading to F&B outlet closures, which may have a longer-term negative impact for investment in Malaysia and on employment opportunities for Malaysians. Nevertheless, equity markets may still be buoyant due to the ample liquidity. Investor interest in Malaysia has remained high because of news about data center investments. Any correction in the market will provide us with the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.53% for the month, underperforming the benchmark return of 3.64% by 2.11%. Year-to-date, the fund returned 19.33%, outperforming the benchmark return of 18.85% by 0.48%. The underperformance in June was due to the underlying fund's underweight position within the materials sector. The fund remains constructive on sectors that stand to benefit from thematic plays (NETR, NIMP, JS-SEZ). The Fund seek to invest in fundamentally strong companies with above market growth potential. The Fund will also stay flexible and agile to seek value to invest during heighten market volatility.

Ekuiti

Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia merakamkan beberapa penyatuan pada Jun 2024 yang boleh dikaitkan dengan aktiviti pengambilan untung, berikutan prestasi kukuh 1H24 setakat ini, yang mana Malaysia mengatasi pencapaian kebanyakan pasaran. Pada bulan ini, harga runcit diesel di pam dinaikkan kepada RM3.35/ liter daripada RM2.15/ liter berkuat kuasa 10 Jun 2024 di seluruh Semenanjung Malaysia. Jun juga merekodkan berita mengenai Pusat Data dengan penjualan tanah oleh Eco World dan UEM Sunrise, manakala Telekom mengumumkan perkongsian unit Pusat Data Singtel Nxera untuk membangunkan pusat data. Perdana Menteri China Li Qiang berada di Malaysia atas tiket lawatan sulung tiga hari di pertengahan Jun, dan menjadi saksi majlis menandatangani 14 memorandum persefahaman dan perjanjian melibatkan sembilan kementerian Malaysia. Indeks FBM EMAS Shariah menutup bulan dagangan pada 12,552.70, naik 1.29% MoM. Indeks FBM Small Cap Shariah memperoleh 3.64% pada bulan tersebut, mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Shariah.

Gambaran Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia mempamerkan prestasi yang baik pada 1H24. Sokongan pembelian baru-baru ini mungkin hasil daripada dana yang mengalir kembali ke Malaysia dengan tujuan untuk dilaburkan di dalam negara, selepas galakan kerajaan dan BNM terhadap GLIC dan GLC untuk menghantar pulangan dividen ke Malaysia. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah meluluskan hampir RM7 bilion pengeluaran daripada Akaun Fleksibel (juga dipanggil Akaun 3) setakat 10 Jun menurut Kementerian Kewangan (MOF). Ketersediaan dana ini boleh mendorong meningkatnya penggunaan. Namun begitu, ia boleh ditampakan dengan jangkaan rasionalisasi subsidi petrol yang dijangka akan dilaksanakan pada 2H2024. Bentuk dan rupa langkah ini masih belum diumumkan. Secara keseluruhan, kami berhati-hati terhadap potensi kesan inflasi akibat pemansuhan subsidi, dan kemungkinan kenaikan harga pusingan kedua. Komitmen rakyat Malaysia terhadap pemboikotan barangan dan perkhidmatan syarikat yang dianggap menyokong Israel tetap utuh, lalu menyebabkan penutupan rangkaian kedai F&B, yang mungkin memberi kesan negatif jangka panjang ke atas pelaburan di Malaysia dan peluang pekerjaan buat rakyat Malaysia. Sungguhpun demikian, pasaran ekuiti mungkin terus rancak disebabkan kecairan yang lebih dari mencukupi. Minat pelabur ke atas Malaysia kekal tinggi berikutan berita mengenai pelaburan pusat data. Apa-apa pembetulan dalam pasaran akan memberi kami peluang untuk mengumpul saham yang berprestasi kukuh.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana memberikan pulangan 1.53% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 3.64% dengan perbezaan 2.11%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana meraih pulangan 19.33%, mengatasi pulangan penanda aras 18.85% dengan perbezaan 0.48%. Prestasi hambar pada Jun lantaran kedudukan pendasar Dana yang kekurangan pegangan dalam sektor bahan. Dana kekal konstruktif ke atas sektor yang mendapat manfaat daripada permainan bertema (NETR, NIMP, JS-SEZ). Dana berusaha untuk melabur dalam syarikat yang pada asasnya kukuh dengan potensi pertumbuhan melangkaui pasaran. Dana juga akan kekal fleksibel dan tangkas mencari nilai untuk dilaburkan semasa ketaktentuan pasaran meningkat.

Source / Sumber: Fund Commentary, June 2024, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA AKTIF

All information as at 30 June 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2024 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL